

MENINGKATKAN PERTUTURAN DAN PEMBACAAN MURID-MURID BERMASALAH PENDENGARAN MELALUI KAEDAH SEBUT BACA BERGAMBAR

'Say Read Picture' Method' To Improve Speech and Reading Among Hearing-Impaired Students

Ratna Hanin Salleh Udin

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

udasayang_84@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan Kaedah Sebut Baca Bergambar dalam meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran di Sk Sri Adika Raja Gerik, Perak. Seramai tiga orang murid dijadikan responden di dalam kajian ini. Fokus utama di dalam kajian ini ialah murid menyebut huruf vokal (v), huruf konsonan (k) dan membaca perkataan kvkv dengan bantuan gambar. Kaedah Sebut Baca Bergambar ini dijalankan dengan meminta murid mengisytiharkan gambar yang ditunjukkan berulang kali dengan betul. Setelah itu baharulah diajar mengeja perkataan kvkv dan membaca perkataan kvkv. Kemudian diajar pula menyebut bunyi suku kata, mengeja dan membunyikan semula suku kata kv dan disusuli dengan menyebut nama huruf bagi perkataan kvkv tersebut. Metodologi yang digunakan oleh pengkaji ialah melalui ujian pra dan pos. Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah menjalankan pemerhatian terhadap murid dan menjalankan temu bual kepada ibu bapa. Hasil daripada kajian ini menunjukkan murid-murid bermasalah pendengaran mampu menguasai pertuturan dan membaca kvkv melalui Kaedah Sebut Baca Bergambar. Dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf. Kesimpulannya, 'Kaedah Sebut Baca Bergambar' boleh digunakan kepada murid bermasalah pendengaran untuk meningkatkan pertuturan dan pembacaan kvkv.

Kata kunci: pertuturan, membaca, masalah pendengaran, vokal, konsonan

Abstract

The purpose of this research to examine the usage of 'Kaedah Sebut Baca Bergambar' to improve speech and reading of hearing impaired pupils at SK Sri Adika Raja Gerik, Perak. Three pupils are using as respondents. Focus in this research were pupils pronounce vowels(v), consonants(c) and read words cvcv with picture aids. Respondents need to sign picture, spell and pronounce syllable and word. Methodology used in this research are pre and post test. Before that, researcher conducted observation to pupils and interview to parents. The research show that pupils achieved to speech and read cvcv by 'Kaedah Sebut Baca Bergambar'. Finding are shown by table and graf. Definitely, 'Kaedah Sebut Baca Bergambar' should be use to hearing impaired pupuils to improve their speech and reading cvcv.

Keywords: speech, reading, hearing impaired, vowels, consonants

PENGENALAN

Murid-murid bermasalah pendengaran boleh belajar bertutur dan membaca jika pendengaran mereka boleh mendengar bunyi pertuturan dan menggunakan alat bantu pendengaran. Menurut Davis dan Silverman (1970), kanak-kanak bermasalah pendengaran ialah kanak-kanak yang tidak mempunyai sisa-sisa pendengaran yang mencukupi untuk membolehkan mereka memahami pertuturan dengan baik walaupun menggunakan alat bantu dengar. Julia Jantan & Siti Suhaila Samian (2007) pula menyatakan, masalah

pendengaran merujuk kepada kehilangan seluruh atau sebahagian yang merujuk kedua-dua belah telinga atau sebelah telinga. Tahap kehilangan dikategorikan sebagai ringan apabila kehilangan yang dialami 20dB hingga 40dB. Tahap kehilangan sederhana 40dB hingga 60dB. Tahap kehilangan teruk adalah 60 dB hingga 90 dB dan ke atas dikategorikan sebagai kehilangan pendengaran sangat teruk.

Kanak-kanak bermasalah pendengaran ringan dan sederhana perlu diajar pertuturan. Menurut Gatty (1992), kanak-kanak belajar pertuturan secara spontan melalui interaksi harian dengan orang dewasa. Laluan kepada kejayaan untuk menguasai pertuturan oleh kanak-kanak ialah keupayaan mereka mendengar. Tanpa pendengaran, perkembangan pertuturan akan tersekat. Pendapat ini disokong oleh Lundsteen (1979) yang telah mentakrifkan mendengar sebagai satu proses minda yang memberi makna kepada bahasa pertuturan. Noreha Mohd Yusof (2008) turut menyatakan pertuturan atau bahasa murid-murid bermasalah pendengaran tidak berlaku secara automatik seperti murid-murid normal. Mereka perlu belajar mendengar dan bertutur melalui usaha ibu bapa, guru dan kumpulan multidisiplin.

Namun begitu, dapatan daripada Hallahan dan Kaufman (1991) menunjukkan 23% daripada kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak boleh difahami pertuturan mereka, 22% sukar dan tidak difahami manakala 10% daripada mereka enggan bertutur. Sebanyak 75% murid-murid kategori hilang pendengaran teruk, bahasa pertuturan mereka tidak boleh difahami dan 14% kategori sederhana, bahasa pertuturan mereka sukar difahami.

KAJIAN LITERATUR

Di dalam komunikasi, terdapat tiga jenis bahasa yang digunakan seharian iaitu bahasa pertuturan, bahasa tulisan dan bahasa isyarat. Bahasa pertuturan dikaitkan dengan sistem bunyi yang dihasilkan sama ada melalui rongga mulut, rongga hidung atau keduanya. Bunyi yang dihasilkan membentuk perkataan. Perkataan tersebut dinamakan bahasa pertuturan. (Abdullah & Che Rabiaah, 2005).

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan pertuturan sebagai bercakap, hasil daripada percakapan atau apa sahaja yang dicakapkan, bahasa sesuatu negara atau sekumpulan negara ataupun dialek tersendiri sesuatu wilayah atau tempat. Pendapat ini disokong oleh Yule (2006) yang mendefinisikan pertuturan sebagai antara saluran yang digunakan untuk berkomunikasi yang statusnya dianggap sebagai bahasa.

Pertuturan merujuk kepada bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh organ-organ artikulasi. Manakala isyarat orang pekak merupakan alat untuk berkomunikasi tanpa bunyi yang dihasilkan secara menggerakkan anggota tubuh badan (Cattel, 2000).

American Psychiatric Association, 2002 menurut Norasiah Mohamad dan Mangaleswaran Annamalai (2009) menyatakan bahawa masalah pertuturan yang berlaku disebabkan oleh faktor organik termasuk kehilangan pendengaran, sumbing, ketumbuhan dan bentuk gigi yang tidak sempurna. Oleh itu, murid-murid bermasalah pendengaran mempunyai kebolehan pertuturan jika jumlah kehilangan pendengaran yang dialami adalah sedikit dan mereka masih mampu mendengar pertuturan.


Kirk dan Gallagher (1979) menyatakan bahawa latihan memulihkan pertuturan amat perlu untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran. Ini kerana mereka tiada keupayaan untuk mendengar beberapa bunyi dengan tepat dan komplikasi tersebut menyebabkan terdapat gantian bunyi dan kesalahan dari segi artikulasi menyebabkan pertuturan mereka tidak tepat.

Menurut Simser (1997), sebelum ini kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak pernah diberi peluang menggunakan deria pendengaran. Alat bantu pendengaran yang baik dapat membantu majoriti kanak-kanak ini mendengar dengan baik dan membantu mempelajari pertuturan. Pemulihan pertuturan memfokuskan kepada kemahiran mendengar dan seterusnya berlaku perkembangan bahasa. Kaedah ini merupakan kaedah yang ideal untuk kanak-kanak ini mempelajari kemahiran mendengar dan pertuturan.

Penyataan di atas mempunyai persamaan dengan Clark (1989) di dalam Romanik (1990) yang menyatakan, dalam perkembangan teknologi semasa, terdapat pelbagai alat elektronik yang boleh digunakan untuk membantu pendengaran. Alat elektronik yang kecil dan mudah alih seperti alat bantuan pendegaran sebenarnya berfungsi untuk membantu pendengaran boleh digunakan oleh kanak-kanak bermasalah mempelajari pertuturan. Alat bantu pendengaran yang dimaksudkan termasuklah cacakan koklea.

Pengajaran pertuturan dalam bilik darjah mampu memberi pelajar kemahiran bertutur yang baik. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan dan setiap aktiviti mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri. Melalui pengalaman dan percubaan, guru akan berupaya memilih aktiviti yang paling sesuai mengikut minat serta keperluan pelajar. (Dakin, 1980). Selain itu, faktor bila berlakunya kecacatan, darjah kecacatan, jangka masa kecacatan didapati memainkan peranan yang sangat peting dalam memilih pendekatan pengajaran pertuturan kepada murid-murid bermasalah pendengaran. (Radziewisc & Antonellis, 1993)

Pengajaran pertuturan berhubung secara langsung dengan tahap pendengaran kanak-kanak bermasalah pendengaran. Pengajaran pertuturan dan kebolehan bertutur boleh dilihat melalui "Speech Banana". Carta ini menunjukkan darjah pendengaran dan bunyi yang boleh didengar mengikut tahap pendengaran.



Rajah 1 Tahap pendengaran dan 'Banana Speech'

Berdasarkan rajah 1 di atas, bunyi pertuturan berada di dalam lingkungan 20dB hingga 60db. Murid –murid bermasalah pendengaran boleh mendengar bunyi pertuturan dengan menggunakan ABD (alat bantu dengar) atau cacakan koklea.

Menurut Abdullah (1995), latihan pertuturan memerlukan masa yang panjang dan perlukan pendekatan pengajaran yang sesuai. Latihan pertuturan perlu dilakukan di peringkat fonetik, morfologi dan sintaksis. Selain memerlukan bunyi bahasa, kanak-kanak bermasalah pendengaran juga memerlukan kebolehan mendengar yang baik supaya dapat mendiskriminasikan bunyi–bunyi bahasa yang tepat dan sebenar. Penggunaan alat bantu dengar adalah amat penting dalam mengajar pertuturan kepada kanak–kanak bermasalah pendengaran.


Selain itu, pihak–pihak yang terlibat dalam pengendalian murid–murid bermasalah pendengaran di sekolah rendah perlu mengambil aspek–aspek berikut dalam pengajaran pertuturan seperti memeriksa dan menentukan darjah kehilangan pendengaran, menggalakkan kanak-kanak menggunakan alat bantu dengar, melatih kanak-kanak menggunakan alat bantu dengar dengan betul, meletakkan kanak-kanak di dalam kelas yang paling mudah untuk membaca pergerakan bibir, memperbaiki artikulasi yang sering berlaku kepada kanak–kanak bermasalah pendengaran serta memberi khidmat nasihat kepada kanak-kanak, ibubapa dan guru-guru yang terlibat tentang bantuan yang boleh diberikan kepada kanak-kanak ini untuk memperbaiki pertuturan (Noraini,1988).

Pengajaran pertuturan perlu dilakukan terhadap murid-murid bermasalah pendengaran dengan mengambil kira pelbagai aspek. Ini kerana, terdapat pelajar yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan selain masalah pendengaran seperti masalah pertuturan yang merujuk kepada masalah artikulasi, penglihatan terhad dan masalah pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran golongan ini memerlukan kaedah yang khusus, strategi dan pendekatan yang sesuai serta perancangan yang teliti daripada guru. (Mohd Huzairi et al. 2010)

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih Teori Kognitif sebagai dasar yang digunakan untuk meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran. Kognitif ditakrifkan sebagai penyesuaian terhadap objek-objek yang ada dalam lingkungan yang merujuk kepada proses interaksi yang dinamis. Kognitif mempunyai hubungan dengan proses mengetahui, proses kognitif yang meliputi persepsi, ingatan pemikiran, simbol dan pemecahan masalah. (Nik Hassan Basri, 2005).

Jean Piaget telah mempopularkan teori ini dengan mencirikan bahasa sebagai menekankan kefahaman struktur bahasa yang dipelajari, membantu pelajar menguasai bahasa yang dipelajari secara lebih berkesan, digunakan dalam pengajaran bahasa kedua, mementingkan pengetahuan dan kesedaran tentang pola-pola sintaksis dan leksikal, dapat memilih bentuk yang diterima dalam bahasa dan menolak bentuk yang bukan struktur dalam bahasa dan menganggap bahasa adalah fenomena pemikiran dan bukan mekanikal. Tambahan lagi, beliau menyatakan perkembangan kognitif bukan hanya hasil daripada kematangan organisma dan pengaruh alam sekitar tetapi interaksi antara keduanya. (Nik Hassan Basri, 2005)

Model kajian tindakan yang digunakan oleh pengkaji ialah Model Kajian Tindakan Lewin (Othman, 2011). Di dalam model kajian tindakan ini, langkah-langkah yang diikuti oleh pengkaji ialah perancangan, tindakan, pemerhatian (pungutan data) dan penilaian. Pengkaji memulakan kajian dengan menjalankan perancangan iaitu merancang kaedah dan aktiviti yang mahu dijalankan untuk mencapai objektif dan mengatasi masalah yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Selepas merancang, pengkaji melaksanakan apa yang dirancang seperti memberi gambar untuk murid isyaratkan beberapa kali, menyebut huruf vokal, menyebut huruf konsonan, menyebut suku kata dan membaca perkataan berdasarkan gambar. Langkah ketiga ialah pemerhatian iaitu pengkaji menjalankan ujian pra dan pos untuk mengumpul data. Selepas itu, pengkaji akan menilai sama ada Kaedah Sebut Baca Bergambar memberi impak yang positif atau tidak didalam meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran. Penilaian dibuat berdasarkan dapatan yang diperolehi semasa langkah ketiga. Langkah-langkah ini boleh digambarkan seperti di dalam rajah 2 di sebelah.



Rajah 2 Langkah-langkah di dalam Model Kajian Tindakan Lewin

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Pengkaji mula berkhidmat di Sk Sri Adika Raja ialah pada tahun 2008 dan mengajar di Kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Pengkaji mula mengajar pertuturan di dalam kelas kerana mendapati ketiga-tiga murid ini boleh berkomunikasi menggunakan pertuturan. Di dalam kelas, ketiga-tiga murid ini lebih memahami pertuturan guru daripada isyarat kerana dua daripada mereka adalah dari kelas perdana dan mereka tidak tahu berbahasa isyarat standard. Butiran murid-murid tersebut seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA MURID (Nama Samaran)	JANTINA (L / P)	UMUR	JENIS KECACATAN / MASALAH
1	Amir Muhammad	P	10 Tahun	Bermasalah pendengaran sederhana
2	Muhammad Nur Aiman	P	9 Tahun	Bermasalah pendengaran ringan
3	Muhammad Nur Safwan	L	8 Tahun	Bermasalah pendengaran ringan Bermasalah penglihatan

Jadual 1 Senarai murid sebagai responden

Sebelum melaksanakan kajian ini, pengkaji telahpun memberi sedikit latihan pertuturan yang asas kepada murid setiap hari khamis paada jam 1.00 hingga 1.30 petang. Latihan ini sesuai dilaksanakan selepas waktu persekolahan kerana suasana persekitaran yang sunyi dan tumpuan yang lebih dapat diberikan. Latihan pertuturan yang asas yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah latihan oro-motor untuk menggalakkan dan menggerakkan alat artikulasi yang mahu digunakan. Ini kerana, murid-murid bermasalah pendengaran tidak menggunakan alat artikulasi lantaran cenderung menggunakan bahasa isyarat sebagai medium komunikasi. Selepas enam bulan, pengkaji telah menjalankan ujian membunyikan huruf vokal dan konsonan. Hasil dari ujian tersebut, dapat dirumuskan bahawa murid boleh bertutur dengan baik jika murid mendapat pendedahan, galakan dan peluang untuk menggunakan pertuturan di dalam kelas. Selain itu, murid lebih mudah memahami makna perkataan jika dibandingkan memahami melalui isyarat.

Pencapaian murid terhadap kebolehan menuturkan huruf vokal dan konsonan adalah berhubung secara langsung dengan tahap masalah pendengaran yang dihadapi oleh murid. Ketiga-tiga murid tidak mempunyai masalah dalam menuturkan huruf vokal. Namun begitu, adalah sukar bagi mereka untuk menuturkan huruf konsonan yang berada di bahagian atas “Banana Shape” seperti huruf koonsonan /f/ dan /s/.

Sehubungan itu, pengkaji telah menjalankan kajian tindakan ini untuk membantu menuturkan perkataan dengan betul dan memberi kemudahan kepada murid untuk mengaplikasikan di dalam kelas. Pengkaji berpendapat, murid menunjukkan minat untuk terus belajar apabila murid dapat menuturkan perkataan dan memahami maksudnya daripada menghafal isyarat dan mengecam gambar melalui isyarat tanpa memahami maksudnya.

ISU KEPRIHATINAN / FOKUS KAJIAN

Walaupun murid-murid yang dikaji tidak dapat menjalani terapi pertuturan dengan ahli terapi sewajarnya, pengkaji dapat melihat dan menjangkakan mereka ini mempunyai potensi dalam pertuturan dan membaca jika dibantu oleh guru.

Daripada pemerhatian, didapati jika murid-murid ini diberi kad perkataan atau lembaran kerja perkataan sahaja untuk dieja dan dibaca, sudah pasti sukar bagi mereka mengeja dan membaca dengan betul dan tepat bunyinya. Mereka juga sukar untuk mentafsir isyarat kepada perkataan. Tetapi jika diberi kad perkataan atau lembaran kerja yang disertakan gambar, maka akan mudahlah murid-murid ini mengeja dan membacanya.

Justeru, kemahiran menutur, mengeja dan membaca perkataan kvkv dapat ditingkatkan dalam kalangan murid-murid Kelas Gemilang, Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran dengan menggunakan Kaedah sebut Baca Bergambar sebagai bahan bantu mengajar. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji keberkesanan menggunakan Kaedah sebut Baca Bergambar dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca perkataan kvkv di kalangan murid-murid Kelas Gemilang.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan dua jenis objektif iaitu objektif am dan objektif khusus. Objektif Am Kajian Tindakan ini ialah meningkatkan kemahiran bertutur dan membaca perkataan kvkv dalam kalangan murid di Kelas Gemilang, Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Manakala Objektif Khusus di dalam Kajian Tindakan yang di jalankan ialah:

- a) Murid dapat mengeja dan membaca perkataan kvkv dengan lebih mudah dan lebih yakin.
- b) Murid dapat meningkatkan kemahiran mengenal dan mengingat kembali bunyi huruf a hingga z.
- c) Murid dapat mengeja dan membaca suku kata kv dengan lebih mudah dan lebih yakin.
- d) Murid dapat meningkatkan tahap keyakinannya semasa sesi pembelajaran.
- e) Murid dapat meningkatkan daya ingatannya terhadap huruf a hingga z agar lebih kekal lama.
- f) Murid dapat menuturkan huruf mengikut cara dan kedudukan yang betul.
- g) Murid dapat menjadikan pertuturan sebagai medium komunikasi
- h) Murid dapat meningkatkan kefahaman tentang topik yang diajar

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan meninjau penggunaan Kaedah Sebut Baca Bergambar untuk meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran. Menurut McNiff (1988), kajian tindakan merujuk kepada satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang mendorong guru menjadi lebih peka, lebih kritis terhadap amalan mereka di dalam kelas dan bersedia mengubah atau membuat pembaharuan terhadap amalan di dalam kelas. Pengkaji telah menggunakan model penyelidikan tindakan berasaskan Model Lewin.

Selain merujuk Model Lewin, pengkaji turut merujuk Model Kemmis dan Mc Taggart (1988) yang menggariskan empat fasa perkembangan. Fasa satu ialah menyediakan pelan tindakan untuk memperbaiki keadaan yang sedang berlaku. Fasa kedua ialah bertindak mengikut pelan tersebut. Fasa ketiga ialah mengumpul dan menganalisa data. Fasa keempat atau terakhir ialah memerhati kesan daripada tindakan yang dibuat dalam konteks di mana ia berlaku dan membuat refleksi. Secara kasarnya, Model Kajian Tindakan Lewin dan Model Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart mempunyai banyak persamaan. Oleh itu, pengkaji merujuk kepada kedua-dua model penyelidikan tindakan ini. Tempoh penyelidikan tindakan ini dilaksanakan selama enam bulan. Pengkaji mengambil tempoh masa yang lama kerana setiap perkataan diulang langkah yang sama sehingga jumlahnya 20 perkataan.

SAMPEL / RESPONDEN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini melibatkan tiga orang murid di Kelas Gemilang, Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran yang beralamat di Sk Sri Adika Raja, Jalan Haji Meor Yahya, 33300 Gerik, Perak darul Ridzuan. Pengkaji hanya mensasarkan tiga orang kerana mereka merupakan murid bermasalah pendengaran ringan dan sederhana. Mereka menggunakan alat bantuan pendengaran. Mereka ini berumur antara 8 hingga 12 tahun. Seorang daripada mereka mempunyai masalah penglihatan yang lebih teruk daripada masalah pendengaran.


PELAKSANAAN

Di dalam kajian tindakan ini, pengkaji telah memilih Model Lewin sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan. Terdapat empat gelung atau langkah yang diikuti oleh pengkaji iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan penilaian. Pada gelung pertama iaitu perancangan, pengkaji telah memilih kaedah Sebut Baca Bergambar sebagai kaedah yang akan digunakan untuk murid-murid bermasalah pendengaran bertutur dan membaca. Pada tahap ini, pengkaji membuat perancangan dengan menentukan kaedah yang digunakan, bahan dan alatan yang diperlukan untuk membantu murid meningkatkan pertuturan dan pembacaan mereka. Selain itu, silibus atau kandungan pengajaran juga ditentukan pada tahap ini. Gelung kedua merujuk kepada tindakan iaitu tindakan yang dijalankan oleh guru di dalam kelas berdasarkan perancangan yang telah dibuat pada gelung pertama. Pada tahap ini, guru melaksanakan kaedah Sebut Baca Bergambar untuk meningkatkan pertuturan dan pembacaan mereka. Semasa menjalankan tindakan, guru membuat pemerhatian ke atas pelaksanaan kaedah yang telah dipilih tadi. Pada gelung ketiga ini, guru membuat pemerhatian dari segi kebolehan murid, respon murid terhadap kaedah yang dipilih dan kesesuaian kaedah yang dipilih dengan kandungan atau silibus. Selepas melakukan pemerhatian, pengkaji membuat penilaian pada gelung atau fasa keempat untuk melihat keberkesanan kaedah pengajaran yang dipilih untuk meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Selepas melakukan perancangan pada gelung pertama, pengkaji menjalankan tindakan pada gelung kedua. Tindakan yang dilakukan oleh pengkaji ialah menjalankan kaedah Sebut Baca Bergambar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat empat aktiviti yang dijalankan oleh pengkaji.

Aktiviti permulaan dalam Kaedah Sebut Baca Bergambar yang dijalankan ialah guru mesti memberi sekeping kad bergambar yang berkaitan perkataan kvkv yang boleh digambarkan. Contoh bagi kad bergambar yang saya gunakan untuk pemahaman pembaca dalam penerangan ini ialah gambar 'dadu' seperti di sebelah:-



Rajah 3 Contoh kad bergambar bagi perkataan 'dadu'

Selepas itu guru harus menyoal atau menyatakan kepada murid nama benda dalam gambar tersebut. Murid pula diminta menyebut nama 'dadu' berulang kali dengan sebutan yang betul, jelas dan tepat bunyinya. Kemudian guru harus bersoal jawab dengan murid agar dapat menjana minda mereka berkaitan gambar 'dadu' tersebut. Jika disertakan bahan mautud lebih baik kerana murid dapat melihat dan memegangnya


untuk melibatkan pelbagai deria mereka. Jika murid masih tidak dapat mengenal pasti gambar yang ditunjukkan, baharulah isyarat digunakan untuk memberitahu murid tentang gambar diberi.

Aktiviti kedua menggunakan Kaedah Sebut Baca Bergambar ialah guru akan mengeja dan menyebut perkataan 'dadu' berulang kali bersama murid dengan memaparkan kad perkataan 'dadu' pula. Peranan guru di sini ialah memastikan murid dapat mengeja dan menyebut perkataan 'dadu' dengan betul dan tepat. Guru juga perlu menunjukkan kedudukan dan cara vokal /a/ dan /u/ dan konsonan /d/ dituturkan. Contoh kad perkataannya seperti di bawah:




Rajah 4 Contoh kad perkataan

Selepas itu, aktiviti ketiga ialah guru akan menunjukkan pula kad suku kata kv / kv iaitu 'da' dan 'du'. Guru akan menyebut dahulu bunyi kad suku kata pertama iaitu 'da' bersama murid berulang kali. Selepas itu mengeja kad itu kemudiannya dan murid mengikutnya berulang kali. Langkah ini sama dijalankan bagi kad suku kata kedua iaitu 'du'. Aktiviti ini mesti dilaksanakan oleh guru sehingga benar-benar murid dapat menguasainya dan boleh dilagukan ketika menyebut dan mengejanya. Contoh kad suku kata itu seperti di sebelah:-



Rajah 5 Contoh kad suku kata

Manakala aktiviti keempat dalam menggunakan Kaedah Sebut Baca Bergambar ialah baharulah guru menunjukkan kad huruf bagi perkataan 'dadu' tadi seperti kad huruf di bawah:



Rajah 6 Contoh kad huruf

Selepas itu guru akan bertanya atau menyatakan nama setiap huruf bagi perkataan 'dadu' tersebut. Kemudian guru meminta murid menyebut nama setiap huruf berulang kali agar mereka dapat mengenal dan menyatakan namanya dengan betul.

Proses pengajaran dan pembelajaran ini akan berterusan bagi perkataan kvkv yang lainnya. Sebagai aktiviti pengukuhan atau pengayaan, guru boleh meminta murid menyusun kad-kad huruf mengikut perkataan yang dituturkan supaya dapat membina sesuatu perkataan kvkv yang telah diajar.

Dalam menggunakan Kaedah Sebut Baca Bergambar, bahan-bahan yang diperlukan mengikut setiap aktiviti adalah seperti di bawah:

Jadual 2 Bahan yang diperlukan mengikut aktiviti

Bil	Perkara	Bahan yang diperlukan
1	Aktiviti Pertama	- kad bergambar dan bahan maujud (jika perlu).
2	Aktiviti Kedua	- kad bergambar, kad perkataan kvkv berlainan warna mengikut suku kata.
3	Aktiviti Ketiga	- dua kad untuk suku kata pertama dan suku kata kedua.
4	Aktiviti Keempat	- kad huruf bagi setiap perkataan kvkv.

Semasa menjalankan tindakan yang mempunyai empat aktiviti, pengkaji menjalankan pemerhatian berstruktur dengan melihat dari aspek kebolehan murid, respon murid terhadap kaedah yang dipilih dan kesesuaian kaedah yang dipilih dengan kandungan pelajaran atau silibus. Pemerhatian ini merupakan fasa atau gelung ketiga di dalam Model Lewin. Selepas itu, pengkaji melakukan penilaian menggunakan ujian pasca untuk menilai tahap keberkesanan kaedah Sebut Baca Bergambar. Pengkaji telah menguji kebolehan murid melalui ujian pra sebelum menjalankan kajian tindakan ini supaya dapat melihat perbezaan dan keberkesanan kaedah yang digunakan terhadap pencapaian pertuturan dan pembacaan responden.

INSTRUMEN KAJIAN

Di dalam kajian tindakan ini, pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen untuk mendapatkan maklumat dan data dalam usaha untuk menjayakan kajian tindakan seperti berikut:-

a) Temu Bual

Dalam usaha mengumpul dan mendapatkan maklumat serta data, pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap ibu bapa murid. Sesi temu bual ini dapat membantu pengkaji mengenalpasti punca sebenar murid tidak dapat menjalani terapi pertuturan dan harapan ibu bapa terhadap murid iaitu supaya mereka boleh membaca. Temu bual ini dijalankan sebelum kajian tindakan ini dilaksanakan. Tujuannya supaya pengkaji dapat melakukan perancangan yang selari dengan kehendak ibu bapa kepada murid-murid bermasalah pendengaran.

b) Pemerhatian

Selain sesi temu bual yang dijalankan, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Pemerhatian dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sama ada di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah. Pemerhatian dibuat sebelum melaksanakan kajian tindakan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dan matlamat yang mahu dicapai.

c) Ujian Pra

Ujian pra telah dijalankan dalam membantu pengkaji mencari dan mengumpul maklumat berkaitan kajian yang saya lakukan dalam kemahiran yang hendak diuji seperti ujian lisan menyebut huruf vokal dan konsonan.

d) Ujian Pos

Ujian pos juga dijalankan selepas semua aktiviti dilaksanakan untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian murid Kelas Gemilang dalam kemahiran yang diajar dan kemahiran yang hendak diuji.

ANALISIS TINJAUAN MASALAH DAN DAPATAN

a) Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan kaedah temu bual terhadap ibu bapa murid. Ibu bapa murid lebih cenderung mahukan anak mereka menguasai pertuturan daripada isyarat kerana mereka berpendapat sukar untuk berkomunikasi di rumah menggunakan bahasa isyarat. Selain itu, mereka mahukan anak mereka dinormalisasikan iaitu mahukan seperti murid perdana iaitu mempunyai kebolehan bertutur, membaca dan seterusnya lulus dalam peperiksaan awam.

b) Pemerhatian

Daripada pemerhatian pengkaji, terdapat perbezaan terhadap murid yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa isyarat dengan tidak dalam menguasai pertuturan. Murid yang cenderung menggunakan pertuturan lebih cepat memahami apa yang diajar oleh guru berbanding murid yang menggunakan bahasa isyarat. Ini kerana, proses pemahaman murid berbeza. Jika murid mempunyai kebolehan pertuturan, mereka memahami maksud perkataan melalui pertuturan dan tulisan. Manakala murid yang menggunakan isyarat akan memahami perkataan melalui simbol isyarat dan mentafsirkan makna perkataan melalui isyarat yang dibuat. Selalunya ia memerlukan bantuan gambar kepada murid menggunakan bahasa isyarat.

c) Ujian Pra

Ujian pra telah dijalankan kepada murid Gemilang dan hasil daripada ujian tersebut adalah seperti keputusan di bawah:

Jadual 3 Ujian pra bagi huruf vokal

Nama murid	Penguasaan huruf vocal	Peratus penguasaan huruf vokal (%)
Amir Muhammad	a , e , i , o ,u	100.00
Muhammad Nur Aiman	a , e , i , o ,u	100.00
Muhammad Nur Safwan	a , e , i , o ,u	100.00

Jadual 4 Ujian pra bagi huruf konsonan

Nama murid	Penguasaan huruf konsonan	Tidak menguasai	Peratuspenguasaan huruf konsonan (%)
Amir Muhammad	b,c,d,h,j,k,l,m,n,p,q,t,w,x,y	f,g,r,s,v,z	71.43
Muhammad Nur Aiman	b,c,d,f,k,l,m,n,p,r,s,t,v,y,z	g,h,j,q,w,x	71.43
Muhammad Nur Safwan	b,c,d,f,g,j,k,l,m,n,p,q,r,t,w,x	h,s,v,y,z	76.19

Hasil dapatan ujian pra ini, pengkaji dapati mereka dapat menyebut huruf vokal. Manakala terdapat sebahagian huruf konsonan tidak dapat disebut walaupun pengujian dibuat sebanyak dua kali.

d) Ujian Pos


Ujian pos dijalankan selepas semua aktiviti dilaksanakan untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian murid-murid Kelas Gemilang dalam kemahiran yang hendak dicapai. Di dalam ujian pos, pengkaji menekankan sebutan huruf konsonan dan pembacaan perkataan yang terhasil daripada gabungan konsonan dan vokal. Pengkaji tidak melaksanakan ujian pos bagi huruf vokal kerana responden sudah menguasai sebutan huruf vokal semasa ujian pra dilaksanakan.

Jadual 5 Ujian pos bagi huruf vokal

Nama murid	Penguasaan huruf vokal	Peratus penguasaan huruf vokal (%)
Amir Muhammad	a , e , i , o ,u	100.00
Muhammad Nur Aiman	a , e , i , o ,u	100.00
Muhammad Nur Safwan	a , e , i , o ,u	100.00

Jadual 6 Ujian pos bagi huruf konsonan

Nama murid	Penguasaan huruf konsonan	Tidak menguasai	Peratus penguasaan huruf konsonan (%)
Amir Muhammad	b,c,d,h,j,k,l,m,n,p,q,t,w,x,y,z	f, s, r,	85.71
Muhammad Nur Aiman	b,c,d,f,g,j,k,l,m,n,p,q,r,s,t,v,y,z	h,r	90.48
Muhammad Nur Safwan	b,c,d,f,g,h,j,k,l,m,n,p,q,r,w,x,z	t,y	90.48



Rajah 7 Graf perbezaan di antara ujian pra dan pos

Rajah 7 di atas menunjukkan perbezaan pencapaian responden di dalam menyebut huruf konsonan. Ketiga-tiga responden menunjukkan peningkatan penguasaan sebutan selepas Kaedah Sebut Baca Bergambar dilaksanakan. Berdasarkan rajah di atas jelas menunjukkan responden bernama Aiman mengalami peningkatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 19.05 peratus. Pengkaji tidak melihat perbezaan di antara ujian pra dan pos bagi sebutan huruf vokal kerana ujian pra menunjukkan ketiga-tiga responden menguasai 100%. Walau bagaimana pun, pengkaji telah menguji penguasaan responden dalam membaca perkataan yang mengandungi huruf vokal dan konsonan.

Jadual 7 di bawah menunjukkan perkataan yang diuji oleh pengkaji dan dapatannya. Fokus utama yang diberi tumpuan ialah menyebut, mengeja dan membaca perkataan kvkv. Hasil dari ujian tersebut adalah seperti berikut:


Jadual 7 Pengujian dan dapatan pembacaan responden terhadap perkataan

Perkataan kvkv	Amir	Aiman	Safwan
1. Dadu	/	/	/
2. Baca	/	/	/
3. Buku	/	/	/
4. Meja	/	/	/
5. Saya	X	/	/
6. Bapa	/	/	/
7. Topi	/	/	X
8. Mama	/	/	/

9. Mata	/	/	/
10. Nama	/	/	/
11. Bayi	/	/	X
12. Labu	/	/	/
13. Kaki	/	/	/
14. Bola	/	/	/
15. Guru	X	X	/
16. Tebu	/	/	/
17. Dahi	/	X	/
18. Feri	X	X	/
19. Hari	X	X	/
20. Nasi	X	/	/

Jadual 8 Dapatan penguasaan pembacaan perkataan

Nama	Jumlah perkataan dikuasai	Jumlah perkataan tidak dikuasai	Peratus penguasaan (%)
Amir	15	5	75.00
Aiman	16	4	80.00
Safwan	18	2	90.00



Rajah 8 Graf yang menunjukkan peratus penguasaan pembacaan perkataan responden

Jadual 7, jadual 8 dan rajah 8 menunjukkan penguasaan pembacaan 20 perkataan oleh responden. Dapatan menunjukkan Safwan mendapat pencapaian tertinggi iaitu boleh membaca 18 perkataan dengan betul daripada 20. Aiman Berjaya membaca 16 perkataan manakala Amir Berjaya membaca 15 perkataan dengan betul.

REFLEKSI KAJIAN

Hasil pemerhatian sepanjang mengajar di kelas ini, semua murid sukar membaca perkataan kvkv sama ada yang ditulis di papan putih, kad manila, kad imbasan dan dalam buku bacaan atau buku aktiviti. Walaupun diajar beberapa kali tetapi mereka ini masih sukar membaca dan mengeja perkataan kvkv.

Justeru, hal ini terjadi kerana murid-murid ini mempunyai daya ingatan yang rendah dan sukar mendapat gambaran tanpa bantuan gambar dan isyarat. Oleh yang demikian, penpengkajitelah mencuba kaedah yang diberi nama 'Kaedah Sebut Baca Bergambar' ketika mengajar perkataan kvkv dan hampir semua murid berjaya membaca dan mengeja dengan betul

Berdasarkan hasil maklumat melalui ujian pra dan ujian pos, didapati kajian tindakan yang dijalankan ini telah memberi kesan yang baik dalam usaha membantu murid-murid Kelas Gemilang meningkatkan kemahiran bertutur dan membaca perkataan kvkv. Daripada 20 perkataan yang diuji di dalam ujian pos, hanya terdapat beberapa perkataan yang tidak boleh dibaca oleh murid. Ini mungkin kerana faktor

darjah kehilangan pendengaran yang dialami dan cara sebutan huruf konsonan yang sukar disebut seperti /f/, /s/, /r/ dan /h/.

Selain itu, pengkaji mendapati terdapat responden yang sukar menyebut dan membaca perkataan disebabkan oleh penguasaan alat artikulasi. Responden tidak menghadapi masalah atau kecacatan pada alat artikulasi. Namun begitu, alat artikulasi yang tidak digunakan dan tidak dilatih menyebabkan responden sukar untuk menyebut beberapa huruf konsonan. Cara pengujaran dan penggunaan alat artikulasi yang tepat dapat membunyikan huruf dengan tepat. Contohnya huruf /r/ perlu dibunyikan dengan getaran gusi bersuara. Responden perlu untuk mengenakan hujung lidah pada gusi, langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan pada dinding tekak supaya tiada udara yang keluar melalui rongga hidung, pita suara dirapatkan dan udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut dan menggetarkan hujung lidah serta pita suara digetarkan. Langkah-langkah ini perlu dilakukan oleh responden supaya bunyi dapat disebut dengan tepat.

Kesan yang baik ini telah memberi motivasi kepada pengkaji untuk menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi memantapkan kualiti pengajaran pada masa depan. Selain itu, teknik ini boleh juga disebar luaskan kepada rakan guru yang mengajar bahasa sebagai satu kaedah yang boleh digunakan di dalam kelas. Ia juga memotivasikan murid untuk terus belajar terutama dalam mata pelajaran bahasa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati Kaedah Sebut Baca Bergambar member impak yang positif terhadap pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran. Terdapat peningkatan dari segi penguasaan pertuturan huruf konsonan dan murid Berjaya membaca lebih daripada 15 perkataan. Dapatan ini menunjukkan kaedah ini boleh terus diguna pakai oleh guru dalam meningkatkan pertuturan dan pembacaan serta meningkatkan prestasi akademik murid secara tidak langsung.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji cadangkan aktiviti ini dapat diteruskan demi meningkatkan kemahiran bertutur dan membaca dalam kalangan murid-murid pendidikan khas. Kaedah Sebut Baca Bergambar perlu dilaksanakan seawal memasuki kelas pendidikan khas setelah mengenal huruf agar daya ingatan mereka terhadap ilmu dan kemahiran yang diajar akan kekal lama dan memudahkan mengingat kembali sesuatu huruf dan suku kata serta perkataan. Penggunaan ICT dalam kaedah ini juga boleh dilakukan agar lebih menyeronokkan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kemahiran pertuturan yang diajar kepada murid membantu mereka meningkatkan pencapaian dan penguasaan dalam akademik. Mereka juga mudah berkomunikasi dengan masyarakat tanpa bergantung kepada bahasa isyarat yang menjadi bahasa minoriti kepada masyarakat Malaysia.

Walaupun sebenarnya tugas ahli terapi pertuturan yang menjalankan terapi, namun tidak semua murid berpotensi mempunyai peluang untuk menjalani terapi atas pelbagai kekangan seperti kekangan masa, kos dan jarak. Oleh itu, pertuturan perlu diajar kepada murid bermasalah pendengaran ringan untuk meningkatkan potensi mereka dalam pertuturan dan seterusnya member impak yang positif terhadap keputusan peperiksaan yang dihadapi terutama dalam mata pelajaran bahasa.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff. (1995). *Fikiran, persekitaran dan pembentukan isyarat orang pekak*. *Jurnal Dewan Bahasa* 39 (7): 543 – 552.
- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2005). Menghasilkan bunyi bahasa. *Dewan Bahasa*, 36-40.
- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Cattel, R. (2000). *Children's language: Consensus and controversy*. London. CASSELL.
- Choong Lean Keow. (2011). *Murid dan alam belajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Dakin, J. (1980). *The language laboratory and language learning*. London: Longman Group, Ltd.
- Ee Ah Meng. (1997). *Pedagogi II. Pelaksanaan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gatty, J.C. (1992). *Teaching speech to hearing impaired children*. *The Volta Review*, 94, 46 – 61
- Hallahan, D.P & Kaufman, J.M. (1991). *Exceptional children: Introduction to special education*. London: Prentice Hall. London.
- Kemmis, S. & Mc Taggart, R. (1988). *The action research*. Victoria, Australia: Deakin University.
- Kirk, S.A Gallagher, J.J & Anastasiow, N.J. (1997). *Educating exceptional children*. Ed. Ke- 8. New York: Houghton Mifflin Company.
- McNiff.J. (1988). *Action research: Principles and practice*. London: Routledge.
- Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib. (2010). *Pendidikan Islam golongan masalah pendengaran: Tinjauan awal isu dan cabaran dari perspektif guru*. Institut Pendidikan Guru Kota Keningau Sabah.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). *Teori bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraisah Mohamad & Mangaleswaran Annamalai. (2009). *Aplikasi kaedah stick untuk meningkatkan keupayaan sebutan "K" murid masalah pertuturan pelat*. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail: Kuala Lumpur.
- Noreha Mohd Yusof. (2008). *Kemahiran guru pendidikan khas bermasalah pendengaran terhadap penggunaan alat bantuan pendengaran di kalangan murid-murid khas bermasalah pendengaran di Sekolah Pendidikan Khas dan Integrasi di negeri Perak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.03-17-35-07
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris..
- Othman Lebar, Abdul Talib Mohamed Hashim, Omar Hisham Mohd Baharin, Ismail Raof. (2011). *Modul pengajaran, teknologi dan penaksiran 2, KPD 3026*. UPSI.
- Radziewicz & Antonellis. (1993). *Consideration & implication for the habitation impaired children*. Bernstein & Tiegerman (ed). *Language & Communication Disorder in Children*. New York: Mc Millan Publishing Co.
- Ragbir Kaur Joginder Singh. (2012). *Panduan ilmu pendidikan untuk DPLI Psikologi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Romanik, S. (1990). *Auditory skills program book 1, for student with hearing impairment*. N.N Wales Australia. Special Education and Focus Program Division N.S.W. Department of School Education.
- Simser, J. (1997). Auditory – verbal principles and techniques. *Auditory–Verbal workshop for Asia Pacific*. Kuala Lumpur. 24 – 26 Oktober.
- Yule, G. (2006). *The study of language*. New York: Cambridge University Press.